

Perwaja: Switzerland diminta serah bukti penyelewengan

11 MAR 2002

PUTRAJAYA 21 Mac – Malaysia mungkin meminta Kerajaan Switzerland menyerahkan bukti mengenai kewujudan wang hasil penyelewengan dalam Perwaja Steel Sdn. Bhd. yang disimpan dalam bank di negara itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, permintaan rasmi antara kerajaan dan kerajaan boleh dibuat setelah Akta Bantuan Bersama Mengenai Jenayah 2002 diwartakan pada akhir tahun ini.

"Rang undang-undang ini akan dibentangkan pada sesi Parlimen sekarang dan setelah diwartakan menjadi akta, kita mungkin boleh menggunakannya bagi mendapatkan bahan-bahan bukti dari luar negara dan dalam kes ini dari Switzerland," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas dikunjungi oleh Duta Besar Belanda ke Malaysia, Jonkheer John Von Muhlen di pejabatnya di sini hari ini.

Rais mengulas mengenai kedudukan terkini siasatan Perwaja setelah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 25 Februari lalu mendedahkan bahawa Badan Pencegah Rasuah (BPR) gagal mendakwa pihak yang disyaki terlibat dengan skandal itu kerana bank di Switzerland enggan memberi kerjasama kepada agensi tersebut.

Sungguhpun berdepan dengan halangan berkenaan, pihak berkuasa masih meneruskan siasatan yang dimulakan sejak tahun 1996 berhubung kerugian Perwaja sebanyak RM10 bilion.

Rais berkata, akta baru tersebut memberi kuasa kepada Peguam Negara membuat

permohonan kepada kerajaan asing menerusi Wisma Putra supaya menyerahkan bukti-bukti penyelewengan yang dilakukan oleh rakyat Malaysia, khususnya berkaitan perniagaan dadah dan aliran wang haram.

"Akta ini membolehkan kerajaan membuat permohonan secara terus kepada kerajaan asing dan bukan menerusi Polis Antarabangsa seperti sekarang," jelasnya.

Beliau berkata, langkah Malaysia mewujudkan akta berkenaan amat bersesuaian kerana Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah serta Komanwel mempunyai akta sedemikian.

"Kita agak terlewat sedikit dalam mewujudkan akta ini kerana masalah teknikal dan juga disebabkan faktor-faktor diplomasi," ujarnya.

Setelah akta ini diwartakan, katanya, Malaysia juga disyaratkan menyerahkan bukti-bukti mengenai penyelewengan warganegara asing jika diminta oleh kerajaan negara lain.

Mengenai tujuan kunjungan Muhlen, Rais berkata, ia bertujuan menyerahkan laporan lengkap mengenai hasil Persidangan Antarabangsa Berkaitan Memerangi Rasuah yang diadakan di The Hague, Belanda pada Mei tahun lalu.

Laporan tersebut telah menyenaraikan cadangan Malaysia iaitu supaya satu kerangka undang-undang berkaitan rasuah diwujudkan di setiap negara.

Cadangan lain, jelasnya, ialah supaya negara maju memberikan bantuan teknikal berbentuk kepakaran dan peralatan kepada negara membangun bagi membolehkan mereka memerangi rasuah secara berkesan.